

**PENGARUH KAJIAN PELAJARAN DAN  
BIMBINGAN RAKAN GURU SEBAYA  
TERHADAP AMALAN KOMUNITI  
PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI  
SEKOLAH-SEKOLAH BERPRESTASI  
RENDAH DI SABAH, MALAYSIA**



**BITTY BINTI ANSAWI**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **PENGARUH KAJIAN PELAJARAN DAN BIMBINGAN RAKAN GURU SEBAYA TERHADAP AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI SEKOLAH-SEKOLAH BERPRESTASI RENDAH DI SABAH, MALAYSIA**

IJAZAH: **DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

Saya **BITTY BINTI ANSAWI**, Sesi **2015-2018**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Disahkan Oleh,

**NURULAIN BINTI ISMAIL**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



**BITTY BINTI ANSAWI**  
**DP1421046T**




(Prof. Dr. Vincent Pang Ah Fook)  
Penyelia

Tarikh : 08 Oktober 2018

# PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 September 2018



[BITTY BINTI ANSAWI]

DP1421046T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA : **BITTY BINTI ANSAWI**

NO. MATRIK : **DP1421046T**

TAJUK : **PENGARUH KAJIAN PELAJARAN DAN BIMBINGAN RAKAN GURU SEBAYA TERHADAP AMALAN PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI SEKOLAH-SEKOLAH BERPRESTASI RENDAH DI SABAH, MALAYSIA**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **26 September 2018**

**DISAHKAN OLEH:**

**1.**

**PENYELIA**

Prof. Dr. Vincent Pang Ah Fook

Tandatangan



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, written over a dotted line, representing the signature of Prof. Dr. Vincent Pang Ah Fook.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadratat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan hidayahnya telah memberi kekuatan untuk saya menyiapkan tesis ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga saya lafazkan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada penyelia Prof. Dr. Vincent Pang atas bimbingannya yang penuh dedikasi dan kesabaran dari peringkat permulaan penyelidikan sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada panel pakar yang menyemak soal selidik terdiri daripada Prof. Madya Dr. Muhammad Faizal Bin A. Ghani, Dr. James, J. E. Ang, Dr. Zakaria Bin Othman, Tengku Fauziah Ku Mat, Puan Nor Aziah Abdul Aziz dan Puan Hani Heleritha Usop. Setinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Timbalan Dekan Pascasiswazah, para pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah atas nilai tambah menjalankan penyelidikan.

Ucapan terima kasih juga kepada guru-guru sekolah berprestasi rendah di Sabah kerana memberi keizinan menjadi subjek penyelidikan. Kerjasama yang diberikan telah membolehkan saya selaku penyelidik mengumpulkan data kajian dengan sempurnanya. Khas buat rakan-rakan, Dr. Mohd Yusri Ibrahim, Dr. Mat Rahimi Yusof, Dr. Mahadzir Rahimi Bin Mohamed Nawawi, Haidi Bin Entoh dan Asnia Kadir serta rakan-rakan lain, harapan serta galakan dan pandangan yang diberikan tidak akan saya lupakan sepanjang hayat. Untuk insan istimewa, Ketua Jabatan Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran, Puan Tah Nia Hj Jaman, terima kasih kerana sentiasa percaya dan memberi inspirasi buat saya. Penghargaan ditujukan kepada pegawai-pegawai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kerana memberi keizinan untuk menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali, penghargaan tidak ternilai ditujukan khas kepada suami tercinta, Mohd Fikri Bin Noortaip, anak-anak, Muhd Hafizz Shafiie, Nur Fatteni Awatif, Muhd Harizz Shafiie dan Muhd Faizz Shafiie, ibu bapa, adik beradik dan ahli-ahli keluarga kerana tidak jemu-jemu memanjatkan doa, meniup semangat, bantuan serta tabah bersama mengharungi cabaran sepanjang perjalanan untuk menyiapkan tesis ini sehingga akhirnya berjaya.

Bitty Binti Ansawi  
26 September, 2018

## ABSTRAK

Kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menjadi salah satu penentu kecemerlangan pendidikan murid di sekolah. Guru sebagai pelaksana kurikulum perlulah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkesan untuk memastikan matlamat pendidikan dicapai. Amalan komuniti pembelajaran profesional merupakan anjakan paradigma dalam senario pendidikan Malaysia yang dilaksanakan untuk memastikan profesionalisme dan kompetensi guru terus meningkat. Di bawah program Jurulatih Pakar Penambahbaikan Sekolah+ (SISC+), pelbagai program seperti kajian pelajaran dan bimbingan rakan guru sebaya dilaksanakan untuk membudayakan lagi amalan ini. Justeru itu, kajian ini mengkaji pengaruh pelaksanaan kajian pelajaran dan bimbingan rakan guru sebaya terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah-sekolah berprestasi rendah. Kajian ini memberi fokus terhadap guru-guru di bawah bimbingan SISC+ di sekolah-sekolah rendah berprestasi rendah di negeri Sabah. Selain itu, pengaruh penyederhanaan ciri-ciri demografi (jantina dan tempoh pengalaman mengajar) turut dikaji. Populasi kajian melibatkan guru-guru di sekolah-sekolah berprestasi rendah di negeri Sabah iaitu seramai 234 orang. Saiz sampel kajian adalah 147 orang yang dipilih menggunakan persampelan rawak berstrata. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan melalui pengedaran borang soal selidik melalui e-mel. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan IBM SPSS Statistics 23.0 dan SmartPLS 3.2.7. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempersepsikan kajian pelajaran dan komuniti pembelajaran profesional dengan tinggi tetapi sederhana untuk bimbingan rakan guru sebaya. Kajian pelajaran dan bimbingan rakan guru sebaya mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan komuniti pembelajaran profesional. Jantina dan tempoh pengalaman mengajar bukan penyederhana yang signifikan dalam kajian ini. Kajian pelajaran dan bimbingan rakan guru sebaya dapat menerangkan 44.8% varians dalam komuniti pembelajaran profesional. Bagi kajian lanjut, model struktural kajian yang diperolehi sekarang perlu diperluaskan lagi dengan memasukkan peranan program-program lain untuk membudayakan komuniti pembelajaran profesional. Dapatan kajian diharap dapat digunakan untuk melonjakkan lagi prestasi sekolah-sekolah kurang berprestasi di negeri Sabah. Implikasi dapatan kajian ini menegaskan sumbangan kajian pelajaran dan bimbingan rakan guru sebaya dalam membudayakan komuniti pembelajaran profesional.



## **ABSTRACT**

### **THE INFLUENCE OF LESSON STUDY AND PEER COACHING ON PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY PRACTICES IN LOW PERFORMING SCHOOLS IN SABAH, MALAYSIA**

*The teaching and learning quality in the classroom is one of the determinants of educational excellence of the pupils in school. Teacher as the curriculum implementer needs to deliver effective teaching and learning to ensure that the educational goals are attained. The professional learning community practice is a paradigm shift in the education scenario in Malaysia, which is implemented to ensure professionalism and competence of teachers continue to increase. Under the School Improvement Specialist Coach+ (SISC+) program, numerous programs such as lesson study and peer teacher coaching are implemented to inculcate the professional learning community practice. Therefore, this study investigated the influence of the implementation of lesson study and peer teacher coaching towards professional learning community practice particularly in low performing schools. This study focused on English teachers under the supervision of SISC+ in low achieving schools in Sabah. Other than that, the moderating effect of demographic characteristics (gender and length of teaching experience) was also examined. The population of this study comprised of 234 teachers in low performing schools. The sample size was 147 teachers selected using stratified random sampling. This study used a quantitative approach with survey through questionnaire distribution via e-mail. Data of this study were descriptively and inferentially analyzed using IBM SPSS Statistics 23.0 and SmartPLS 3.2.7. Findings showed that teachers perceived lesson study and professional learning community highly but only moderately for peer coaching. Lesson study and peer coaching had positive and significant relationships with professional learning community. Gender and teaching experience were not significant moderators in this study. Lesson study and peer coaching can explain 44.8% of variance in professional learning community. For further study, the attained structural model in this study needs to be expanded to include the role of other programs to culturalize professional learning community. Findings of this study is hoped to be used to increase the performance of low performing schools in Sabah. The research implication stressed the contribution of lesson study and peer coaching in enculturing the professional learning community.*

# SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xix</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.7.1 Kepentingan kepada Komuniti Pendidikan	20
1.7.2 Kepentingan kepada Komuniti Penyelidikan	22
1.8 Definisi Operasional	22
1.8.1 Program SISC+	22
1.8.2 Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	23
1.8.3 Kajian Pelajaran	24
1.8.4 Bimbingan Rakan Guru Sebaya	24



1.8.5	Sekolah Berprestasi Rendah	25
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Rumusan	26
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>27</b>
2.1	Pendahuluan	27
2.2	Transformasi Pendidikan di Malaysia	28
2.2.1	Program Transformasi Daerah	28
2.2.2	Program SISC+	29
2.3	Sekolah Berkesan dan Pembangunan Sekolah	31
2.4	Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	32
2.4.1	Definisi Konseptual Komuniti Pembelajaran Profesional	32
2.4.2	Perspektif Teori tentang Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	36
2.4.3	Kajian Lepas tentang Komuniti Pembelajaran Profesional	40
2.4.4	Rumusan tentang Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	45
2.5	Kajian Pelajaran	46
2.5.1	Definisi Konseptual Kajian Pelajaran	46
2.5.2	Perspektif Teori tentang Kajian Pelajaran	50
2.5.3	Dapatan Kajian Lepas tentang Kajian Pelajaran	55
2.5.4	Rumusan tentang Kajian Pelajaran	56
2.6	Bimbingan Rakan Guru Sebaya	56
2.6.1	Definisi Konseptual tentang Bimbingan Rakan Guru Sebaya	56
2.6.2	Perspektif Teori tentang Bimbingan Rakan Guru Sebaya	60
2.6.3	Dapatan Kajian Lepas tentang Bimbingan Rakan Guru Sebaya	62
2.6.4	Rumusan tentang Bimbingan Rakan Guru Sebaya	63
2.7	Hubungkait antara Kajian Pelajaran dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	63
2.8	Hubungkait antara Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	65

2.9	Pengaruh Penyederhanaan Faktor Demografik Guru	67
2.10	Jurang Literatur	71
	2.10.1 Kerangka Teoretikal	72
	2.10.2 Kerangka Konseptual	73
2.11	Rumusan	75
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>76</b>
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Paradigma Penyelidikan	76
3.3	Rekabentuk Kajian	77
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	78
	3.4.1 Definisi Populasi Kajian	78
	3.4.2 Teknik Persampelan	79
	3.4.3 Penentuan Saiz Sampel Kajian	80
3.5	Instrumen Kajian	82
	3.5.1 Skala Pengukuran Amalan PLC	82
	3.5.2 Skala Pengukuran Kajian Pelajaran	83
	3.5.3 Skala Pengukuran Bimbingan Rakan Guru Sebaya	84
	3.5.4 Maklumat Latar Belakang Responden	85
3.6	Kajian Rintis	85
	3.6.1 Pemurnian Instrumen Kajian	85
	3.6.2 Penentuan Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Secara Statistik	87
3.7	Pengurusan Common Method Variance	98
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	102
3.9	Prosedur Penganalisan Data	102
3.10	Rumusan	111

<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>112</b>
4.1 Pendahuluan	112
4.2 Profil Responden	112
4.3 Persepsi Guru tentang Aplikasi Kajian Pelajaran	113
4.4 Persepsi Guru tentang Aplikasi Bimbingan Rakan Guru Sebaya	114
4.5 Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	114
4.6 Penentuan Common Method Variance	115
4.7 Penilaian Model Pengukuran Kajian	116
4.8 Penilaian Model Pengukuran Kajian Konstruk Urutan Pertama LS dan PC dengan Sub-Konstruk Urutan pertama dalam Konstruk PLC	122
4.8.1 Kebolehpercayaan Indikator LS dan PC serta Sub-Konstruk dalam PLC	122
4.8.2 Kebolehpercayaan Konstruk LS dan PC serta Sub-Konstruk dalam PLC	124
4.8.3 Kesahan Konvergen	124
4.8.4 Kesahan Divergen	125
4.9 Penilaian Model Pengukuran Kajian Konstruk Urutan Pertama Ls, PC dan PLC	126
4.9.1 Kebolehpercayaan Indikator LS, PC dan PLC	126
4.9.2 Kebolehpercayaan Konstruk	128
4.9.3 Kesahan Konvergen	129
4.9.4 Kesahan Divergen	130
4.10 Penilaian Model Pengukuran Kajian Konstruk Urutan Kedua LS, PC dan PLC	131
4.10.1 Kebolehpercayaan Indikator LS, PC dan PLC	131
4.10.2 Kebolehpercayaan Konstruk	133
4.10.3 Kesahan Konvergen	134
4.10.4 Kesahan Divergen	135
4.11 Penilaian Model Struktural Kajian	136
4.11.1 Isu Multikolineariti	136

4.11.2	Hubungan antara Aplikasi Kajian Pelajaran dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	137
4.11.3	Hubungan antara Aplikasi Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	138
4.11.4	Pengaruh Penyederhanaan Jantina terhadap Hubungan antara Aplikasi Kajian Pelajaran dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	139
4.11.5	Pengaruh Penyederhanaan Tempoh Pengalaman Mengajar terhadap Hubungan antara Aplikasi Kajian Pelajaran dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	142
4.11.6	Pengaruh Penyederhanaan Jantina terhadap Hubungan antara Aplikasi Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	144
4.11.7	Pengaruh Penyederhanaan Tempoh Pengalaman Mengajar terhadap Hubungan antara Aplikasi Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	147
4.11.8	Pengaruh Aplikasi Kajian Pelajaran dan Bimbingan Rakan Guru Sebaya terhadap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	149
4.12	Rumusan	156
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>		<b>162</b>
5.1	Pendahuluan	162
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	165
5.2.1	Persepsi Guru tentang Kajian Pelajaran	165
5.2.2	Persepsi Guru tentang Bimbingan Rakan Guru Sebaya	167
5.2.3	Persepsi Guru tentang Komuniti Pembelajaran Profesional	168
5.2.4	Hubungan Kajian Pelajaran dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	170
5.2.5	Hubungan Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	171
5.2.6	Pengaruh Penyederhanaan Jantina Hubungan antara Kajian Pelajaran dan Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	172

5.2.7	Pengaruh Penyederhanaan Tempoh Pengalaman Mengajar terhadap Hubungan antara Kajian Pelajaran dan Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	173
5.2.8	Pengaruh Kajian Pelajaran dan Bimbingan Rakan Guru Sebaya dengan Komuniti Pembelajaran Profesional	174
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	177
5.3.1	Implikasi Teoretikal	177
5.3.2	Implikasi terhadap Amalan	179
5.3.3	Implikasi terhadap Metodologi	180
5.4	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian akan Datang	181
5.5	Kesimpulan	182
<b>RUJUKAN</b>		<b>184</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>210</b>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Dimensi dalam PLC	41
Jadual 2.2: Strategi dalam Membentuk PLC di Sekolah	42
Jadual 2.3: Ciri-Ciri dalam Bimbingan Rakan Guru Sebaya	59
Jadual 3.1: Persampelan Kajian	82
Jadual 3.2: Dimensi-dimensi dan Bilangan Item dalam Inventori Amalan PLC dalam kalangan Guru	83
Jadual 3.3: Dimensi-dimensi dan Bilangan Item dalam Skala Kajian Pelajaran	84
Jadual 3.4: Dimensi-dimensi dan Bilangan Item dalam Inventori Bimbingan Rakan guru sebaya	85
Jadual 3.5: Maklumat Latar Belakang Pakar Pementapan dan Pengukuhan Instrumen Kajian	86
Jadual 3.6: Hasil Analisis Alfa Cronbach	88
Jadual 3.7: Nilai KMO dan Ujian Bartlett untuk Skala PLC	89
Jadual 3.8: Nilai KMO dan Ujian Bartlett untuk Skala LS dan PC	89
Jadual 3.9: Hasil Analisis Faktor Utama Skala PLC	90
Jadual 3.10: Hasil Analisis Faktor Utama Skala LS	92
Jadual 3.11: Hasil Analisis Faktor Utama Skala PC	94
Jadual 3.12: Nilai Beban Faktor untuk Skala PLC	96
Jadual 3.13: Nilai Beban Faktor untuk Skala LS	97
Jadual 3.14: Nilai Beban Faktor untuk Skala PC	98
Jadual 3.15: Penetapan tahap mengikut nilai min respons	103
Jadual 3.16: Penilaian dalam Model Pengukuran Reflektif	105
Jadual 3.17: Kriteria Penilaian Model Struktural	106



Jadual 3.18:	Kaedah Analisis Data yang Digunakan Berdasarkan Objektif Kajian	108
Jadual 4.1:	Taburan Responden Mengikut Ciri Demografi	112
Jadual 4.2:	Hasil Analisis Deskriptif LS	113
Jadual 4.3:	Hasil Analisis Deskriptif PC	114
Jadual 4.4:	Hasil Analisis Deskriptif PLC	115
Jadual 4.5:	Korelasi antara Pembolehubah Pendam	115
Jadual 4.6:	Nilai OL untuk Konstruk LS, PC dan Sub-Konstruk dalam PLC	122
Jadual 4.7:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kebolehpercayaan Sub-Konstruk	124
Jadual 4.8:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kesahan Konstruk	125
Jadual 4.9:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kriteria Fornell-Larcker untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan Sub-Konstruk dalam PLC	125
Jadual 4.10:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Nisbah HTMT untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan Sub-Konstruk dalam PLC	126
Jadual 4.11:	Nilai OL untuk Konstruk LS, PC dan PLC	127
Jadual 4.12:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kebolehpercayaan Konstruk LS, PC dan PLC	129
Jadual 4.13:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kesahan Konvergen Konstruk LS, PC dan PLS	129
Jadual 4.14:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kriteria Fornell-Larcker untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan PLC	130
Jadual 4.15:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Nisbah HTMT untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan PLC	130
Jadual 4.16:	Nilai OL untuk Konstruk LS, PC dan PLC dan Sub-Konstruk Masing-Masing	132

Jadual 4.16:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kebolehpercayaan Konstruk LS, PC dan PLC dan Sub-Konstruk Masing-Masing	133
Jadual 4.17:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kesahan Konvergen Konstruk LS, PC dan PLS dan Sub-Konstruk Masing-Masing	134
Jadual 4.18:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Kriteria Fornell-Larcker untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan PLC Urutan Kedua	135
Jadual 4.19:	Hasil Analisis PLS Algoritma untuk Nisbah HTMT untuk Konstruk LS, Konstruk PC dan PLC Urutan Kedua	136
Jadual 4.20	Nilai VIF dalam Model Struktural Kajian	136
Jadual 4.21:	Hubungan antara LS dengan Sub-Konstruk dalam PLC	137
Jadual 4.22:	Hubungan antara PC dengan Sub-Konstruk dalam PLC	138
Jadual 4.23:	Hubungan antara PC dengan Sub-Konstruk dalam PLC	139
Jadual 4.24:	Kesan Penyederhanaan oleh Jantina dan Tempoh Pengalaman Bekerja terhadap Hubungan antara Konstruk Eksogen dan Endogen	149
Jadual 4.25:	Saiz Kesan Ketepatan dan kerelevanan Peramalan LS dan PC terhadap PLC	156
Jadual 4.26:	Rumusan Dapatan Kajian	158

# SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1:	Kerangka Teoretikal Kajian 73
Rajah 2.2:	Kerangka Konseptual Kajian 75
Rajah 3.1:	Analisis G*Power untuk Penentuan Saiz Sampel 81
Rajah 3.2:	Plot Scree untuk Skala Pengukuran Amalan PLC 91
Rajah 3.3:	Plot Scree untuk Skala Pengukuran LS 93
Rajah 3.4:	Plot Scree untuk Skala Pengukuran PC 95
Rajah 3.5:	Prosedur Sistematis dalam Analisis Menggunakan PLS-SEM 107
Rajah 4.1:	Model Struktural untuk Hubungan LS dan PC sebagai Konstruk Urutan Pertama dan setiap sub-konstruk Urutan Pertama dalam PLC 117
Rajah 4.2:	Model Struktural untuk Hubungan LS dan PC dengan PLC sebagai Konstruk Urutan Pertama 119
Rajah 4.3:	Model Struktural untuk Hubungan LS dan PC dengan PLC sebagai Konstruk Urutan Kedua 121
Rajah 4.4:	Model Struktural dengan Jantina (Perempuan) Sebagai Penyederhana untuk Hubungan LS dengan PLC 141
Rajah 4.5:	Model Struktural dengan Tempoh Pengalaman (Lama) Sebagai Penyederhana untuk Hubungan LS dengan PLC 143
Rajah 4.6:	Model Struktural dengan Jantina (Perempuan) Sebagai Penyederhana untuk Hubungan PC dengan PLC 145
Rajah 4.7:	Analisis Keluk Ringkas untuk Penyederhanaan Jantina (Perempuan) untuk Hubungan PC dengan PLC 146
Rajah 4.8:	Model Struktural dengan Tempoh Pengalaman Mengajar (Lama) Sebagai Penyederhana untuk Hubungan PC dengan PLC 148
Rajah 4.9:	Nilai Koefisien Laluan, $\beta$ dan Ketepatan Peramalan Model, $R^2$ kepada Sub-Konstruk PLC 151

Rajah 4.10:	Nilai Koefisien Laluan, $\beta$ dan Ketepatan Peramalan Model, $R^2$ kepada PLC	153
Rajah 4.11:	Nilai Kerelevanan Peramalan Model, $Q^2$ kepada Sub-Konstruk PLC	154
Rajah 4.12:	Nilai kerelevanan Peramalan Model, $Q^2$ kepada Konstruk PLC	155



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>AVE</b>	- Purata Varians Diekstrak
<b>CR</b>	- Kebolehpercayaan Komposit
<b>HTMT</b>	- Heterotrait Monotrait
<b>KPM</b>	- Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>LS</b>	- Kajian Pelajaran
<b>LS_1</b>	- Perancangan Kolaboratif
<b>LS_2</b>	- Sesi Penerangan
<b>LS_3</b>	- Semakan Pelajaran
<b>OL</b>	- Beban Luar
<b>PC</b>	- Bimbingan Rakan Guru Sebaya
<b>PC_1</b>	- Sikap dan Tanggapan tentang Peranan Mentor dalam PC
<b>PC_2</b>	- Persepsi tentang Hubungan dalam Kalangan Rakan Sebaya
<b>PLC</b>	- Komuniti Pembelajaran Profesional
<b>PLC_A</b>	- Perkongsian Nilai dan Kesepunyaan Visi
<b>PLC_B</b>	- Keadaan Menyokong (Perhubungan Manusia)
<b>PLC_C</b>	- Keadaan Menyokong (Struktur Sekolah)
<b>PLC_D</b>	- Kepemimpinan Dikongsi dan Menyokong
<b>PLC_E</b>	- Pembelajaran Kolektif dan Aplikasi
<b>PLC_F</b>	- Perkongsian Amalan Peribadi
<b>SPSS</b>	- <i>Statistical Package for Social Science</i>
<b>PLS-SEM</b>	- <i>Partial Least Square - Structural Equation Modeling</i>

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran 1: Pemantapan Item dalam Skala Amalan PLC	210
Lampiran 2: Pemantapan Item dalam Skala Amalan LS	216
Lampiran 3: Pemantapan Item dalam Skala Amalan PC	219
Lampiran 4: Borang Soal Selidik	221
Lampiran 5: Matriks Komponen untuk Skala dalam EFA	234
Lampiran 6: Pelan Pelaksanaan Kajian Penyelidikan	238
Lampiran 7: Output SPSS untuk Kajian Rintis (Ujian Kebolehpercayaan)	238
Lampiran 8: Output PLS Algoritma Model Kajian Pertama (Tanpa Pembuangan Indikator)	242
Lampiran 9: Output PLS Algoritma Model Kajian Kedua(Tanpa Pembuangan Indikator)	243
Lampiran 10: Output PLS Algoritma Model Kajian Kedua(Selepas Pembuangan Indikator)	244
Lampiran 11: Output PLS Algoritma Model Kajian Ketiga (Tanpa Pembuangan Indikator)	245
Lampiran 12: Output PLS Algoritma Model Kajian Ketiga (Selepas Pembuangan Indikator)	246
Lampiran 13: Output Bootstrapping Model Kajian Pertama	247
Lampiran 14: Output Bootstrapping Model Kajian Kedua	248



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan penerangan tentang latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang menumpukan kepada rasional mengapa kajian pelajaran, bimbingan rakan guru sebaya dan pengaruhnya terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional dipilih sebagai fenomena yang dikaji. Objektif dan soalan kajian juga dinyatakan untuk menjelaskan skop kajian ini. Seterusnya, hipotesis kajian dibangunkan berdasarkan bukti-bukti kajian empirikal yang lepas. Kepentingan kajian juga dibincangkan bagi menjelaskan manfaat daripada pelaksanaan kajian ini kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Istilah-istilah penting dalam kajian ini juga telah diberikan definisi secara operasional. Batasan kajian dinyatakan bagi menjelaskan sejauh mana skop kajian ini dilaksanakan. Penyampaian maklumat dalam bab ini memberikan gambaran jelas tentang halatuju kajian ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad menyuarakan matlamat Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 melalui Wawasan 2020 pada tahun 1991, segala jentera pentadbiran kerajaan telah digerakkan ke arah merealisasikan wawasan ini. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengorak langkah untuk mewujudkan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan di peringkat global pada abad ke-21 ini. Pelbagai aktiviti penambahbaikan dan pengurusan kualiti menyeluruh telah dilaksanakan agar Malaysia mencapai status pendidikan bertaraf dunia di kaca mata dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

Perubahan dalam sistem pendidikan adalah perlu untuk merealisasikan hasrat kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Perubahan merupakan suatu perkara yang sentiasa berlaku dalam organisasi kerana sifat kedinamikan organisasi itu sendiri. Carnall (1991) menyatakan bahawa perkara yang pasti berlaku dalam mana-mana organisasi adalah perubahan. Perubahan dalam pendidikan merupakan hasil daripada desakan pelbagai faktor seperti globalisasi, perkembangan teknologi komputer, internet dan multimedia, persaingan yang semakin kuat dan keperluan gunatenaga yang berasaskan pengetahuan (*knowledge worker, k-worker*).

Revolusi pendidikan melibatkan transformasi kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kulanz Salleh (2010) menjelaskan bahawa transformasi dalam bidang kurikulum ini selaras dengan matlamat sekolah dalam memainkan peranan untuk menyediakan para pelajar agar mereka dapat mengisi kekosongan pekerjaan yang khusus dan lebih dari itu. Selain itu, sekolah merupakan tempat yang berfungsi untuk memberikan didikan yang sempurna dan lengkap demi menjamin dan membolehkan pelajar sendiri memberi sumbangan yang signifikan terhadap kemajuan diri, masyarakat dan negara. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kurikulum pendidikan perlu mempunyai wasilah yang dapat menumpukan kepada proses memperkembangkan potensi individu dari pelbagai aspek.

Pengurusan perubahan secara terancang adalah tugas yang sukar memandangkan kuasa yang mempengaruhi perubahan dan hasilnya adalah dinamik dan kompleks. Idea perubahan secara teorinya memang mudah diterima tetapi pengamalannya agak sukar memandangkan banyak faktor perlu dipertimbangkan yang mana mungkin menggalak atau menghalang proses perubahan terancang berkenaan (Razzaq, 2012). Kejayaan pelaksanaan perubahan di sekolah bergantung kepada kesediaan dan keupayaan warga sekolah khususnya dalam kalangan guru untuk menerima, menyesuaikan dan melaksanakan perubahan-perubahan berkenaan. Ini kerana guru-guru merupakan tenaga pelaksana utama kepada perubahan-perubahan yang dirancang.

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) menjadi agenda penting yang diperkenalkan melalui Pelan Transformasi Kerajaan untuk menyahut cabaran ini. Bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, adalah amat penting untuk melaksanakan anjakan dan transformasi dalam bidang pendidikan kerana anak-anak merupakan modal insan terpenting dalam usaha memacu masa hadapan negara. Inisiatif pendidikan yang berkualiti bukan suatu perkara yang mudah kerana memerlukan usaha bersepadu dan komitmen yang jitu daripada semua pihak khususnya yang berada dalam Kementerian Pendidikan itu sendiri. Justeru itu, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (KPM, 2013) telah dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga 2010 dan kemudiannya disambung dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) sehingga tahun 2023. PPPM telah dibahagikan mengikut dua gelombang perubahan, GTP1.0 (bermula tahun 2010 hingga 2012) dan GTP2.0 (2013 – 2025).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang melakukan beberapa perubahan dan pembaharuan sepertimana termaktub dalam NKRA berkaitan pendidikan yang mampu mengangkat pindah martabatnya ke tahap yang lebih tinggi serta menyumbang ke arah merealisasikan hasrat negara untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Banyak program transformasi pendidikan yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan di mana salah satu daripadanya ialah program Transformasi Pejabat Pendidikan Daerah melalui program Rakan Penambahbaikan Sekolah+ atau *School Improvement Partners+* (SIP+) dan Jurulatih Pakar Penambahbaikan Sekolah+ atau *School Improvement Specialist Coach+* (SISC+).

Transformasi pendidikan dalam bentuk pelaksanaan program SISC+ dirancang oleh Pejabat Pendidikan Daerah dan dilaksanakan oleh guru-guru, dan dengan itu, merekalah agen perubahan yang bertanggungjawab menjayakan transformasi pendidikan ini. Program SISC+ ini membantu guru-guru untuk melaksanakan lagi tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang lebih berkesan. Program ini merupakan suatu penyelesaian yang dapat membantu guru mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka di

dalam bilik darjah dan dengan itu, menyumbang secara signifikan kepada kecemerlangan sekolah. Pelaksanaan program ini juga bertujuan membudayakan pembelajaran profesional dan seterusnya mewujudkan komuniti pembelajaran profesional di sekolah.

Melalui GTP2.0 iaitu pada tahun 2013, satu lagi perubahan besar telah berlaku dalam persada pendidikan negara di mana Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan program SISC+. Ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam PPPM di bawah Program Transformasi Pejabat Pendidikan Daerah yang dilaksanakan secara berperingkat di 16 buah negeri di seluruh Malaysia pada gelombang yang pertama. Negeri Kedah dan Sabah telah dipilih secara rawak sebagai negeri perintis untuk pelaksanaan program ini. SISC+ bertujuan untuk mengurangkan jumlah sekolah yang berada pada band 5, 6 dan 7 iaitu sekolah-sekolah berprestasi rendah di Malaysia kepada sifar (KPM, 2013).

Selain itu, tujuan utama SISC+ adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru yang dibimbing oleh SISC+ khususnya guru-guru matapelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik melalui perbincangan dan pemantauan dalam bilik darjah. Usaha ini diharap dapat memberi impak yang baik terhadap penguasaan dan pencapaian murid-murid khususnya di sekolah-sekolah berprestasi rendah di Malaysia. Pelbagai program yang dilaksanakan oleh SISC+ seperti kajian pelajaran (*lesson study*, LS) dan bimbingan rakan guru sebaya (*peer coaching*, PC) dapat menyumbang kepada amalan komuniti pembelajaran profesional (*professional learning community practices*, PLC) di sekolah (Halijah, 2014). Sokongan profesional melalui SISC+ kepada guru-guru yang terpendil di sekolah masing-masing memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan. Pengenalan program SISC+ ini juga memperbaharui peranan program SISC sebelum ini. Pengenalan SISC+ dapat menggantikan jurulatih sedia ada dan mengurangkan peringkat ini daripada lima kepada tiga, sekaligus mengurangkan kemungkinan berlakunya ketirisan.

Di dalam PPPM (KPM, 2013), pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini termasuklah kualiti pengajaran dan